

ULAMA ARAB DI TANAH MELAYU: SATU ANALISA PADA AWAL ABAD KE-20¹

Farid Mat Zain & Nurulwahidah Fauzi*

Abstract

Arab community groups who migrated to the Archipelago through trade and propagation of Islam has been assimilated into the local community in helping the development of Islamization of Sciences. This paper seeks to explore their migration to the Malay Land along 20th century and to explore the involvement of scientists that has been involved in administrative affairs and Islamic education in the life of the local community.

Keywords: Ulama Arab, Diaspora

A. Pendahuluan

Masyarakat Arab sudah lama wujud dan mendiami alam Melayu. Melalui usaha mereka juga orang Melayu mengenali dan menerima Islam. Kajian mengenai kehadiran masyarakat Arab ke rantau alam Melayu ini dibuat oleh beberapa orang sarjana, antara mereka seperti Tibbetts² dan Wheatley. Terdapat juga yang membuat kajian mengenai masyarakat Hadrami di kawasan ini, seperti Abushouk & Ibrahim dan Noryati. Para sarjana tempatan juga tidak ketinggalan mengkaji kedatangan orang Arab ke beberapa kawasan tertentu di Tanah Melayu seperti yang dilakukan oleh Sharifah Zaleha³ dan Mahayudin.⁴ Banyak informasi mengenai kedatangan dan pembentukan kelompok Arab di rantau Melayu dipaparkan melalui penulisan tersebut, namun persoalan mengenai ulama tidak banyak terserlah dalam kajian yang dilakukan. Penulisan

¹ Tulisan ini menggunakan bahasa aslinya, Melayu Malaysia.

² G.R Tibbets, *A Study of Arabic Texts Containing Material on South-east Asia* (tp: Royal Asiatic Publisher, 1979).

³ Sharifah Zaleha, "History and Indigenization of The Arab in Kedah", *Asian Journal of Social Science*, Volume 32(3) (Brill: Leiden 2004).

⁴ Mahayudin Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka; Mahayudin Yahaya "Sejarah Penempatan Orang Arab di Johor" (Seminar Sejarah & Budaya Johor Tahun 2000, 3-6 Mei 2000, Johor Bharu).

ini berusaha membincangkan persoalan tersebut dengan memberi tumpuan kepada beberapa orang tokoh ulama Arab dan kegiatan yang dilakukan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

B. Kehadiran Masyarakat Arab Ke Alam Melayu

Catatan sejarah menunjukkan bahawa orang Melayu diislamkan oleh orang Arab, sama ada mereka langsung dari Arab dan ada juga bermastautin di negeri lain dahulu sebelum sampai ke Alam Melayu. Sejarah Melayu menyebut sultan Melaka diislamkan oleh Maulana Abdul Aziz dar Jeddah. Sementara Hikayat Merong Mahawangsa diislamkan oleh seorang ulama yang datang langsung dari Yaman, Sheikh Abdullah al-Yamani. Namun persoalannya personaliti mereka itu tidak diketahui dengan jelas lantaran cerita mengenai pengislaman tersebut disaluti unsur mitos yang menimbulkan keraguan tentang kesahihannya di kalangan sejarawan. Pengislaman Sultan Melaka sebagai contoh melalui mimpi raja Melaka, Parameswara bertemu ulama dari Jeddah, Sayyid Abdul Aziz. Pada keesokan paginya baginda didapati dirinya sudah berkhatan. Pengislaman Merong Mahawangsa, Maharaja Kedah dilakukan oleh ulama dari Baghdad melalui pujukan agar meninggalkan amalan meminum arak yang menjadi tradisi pada masa itu. Sheikh Abdullah juga digambarkan dalam hikayat tersebut datang ke Kedah melalui perjalanan yang tidak dirancang.⁵

Lantaran tokoh ulama yang disebut secara mitos itu, latar belakang mereka tidak diketahui dengan jelas sama ada dari segi asal usul dan peranannya. Namun sejarawan mengakui bahawa berlaku proses pengislaman ke atas masyarakat Melayu sebaik sahaja Islam berkembang di luar kota Madinah. Selepas menerima Islam, agama tersebut mempengaruhi kehidupan dalam banyak aspek. Penggunaan bahasa Arab semakin meluas dan ia menggantikan istilah-istilah sanskrit yang diamalkan sebelumnya (Winstedt, *Malay histories*, 106). S.M.N al-Attas menyebut kesan kedatangan Islam itu lebih besar hingga mengubah wajah Melayu dari kelompok yang tidak bertamadun menjadi bangsa yang maju yang dikenali dan dihormati dengan bangsa lain. Naskhah-naskhah Melayu dihasilkan yang banyak menggunakan tulisan, watak dan cerita dari Arab.

Selain pengislaman terhadap raja-raja Melayu, golongan ulama dari Arab juga mengislamkan beberapa kumpulan penduduk lain di nusantara. Sebagai buktinya laporan daripada Dinasti Tang menyebut sekumpulan orang Arab

⁵ Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 1991), 132.

dan Parsi yang meninggalkan Canton pada 874 telah pergi ke pelabuhan dikenali dengan Kalah (sekarang dikenali sebagai Kedah) dalam usaha menyelamatkan diri daripada pemberontakan China.⁶ Pada masa tersebut menurut catatan al-Mas'udi terdapat 120,000 hingga 200,000 orang pedagang Islam dari Arab dan Parsi. Mereka ini berhijrah mencari penempatan baru di Nusantara dan memilih untuk tinggal di Kedah, Palembang, Brunei, Aceh, dan Patani.

Masyarakat Arab di Alam Melayu terdiri daripada pelbagai kawasan, namun hampir semua mereka berasal dari Hadramaut.⁷ Hal ini selari dengan pendapat Farid Alatas yang menyebut golongan Hadramaut ini merupakan kelompok terbesar mendiami Alam Melayu pada abad ke-19M. Farid membahagikan masyarakat Arab di Alam Melayu ini kepada dua; pertama migrasi masyarakat Arab yang hadir dari *Bilad al-Sham*, iaitu merujuk kepada negara yang kini terletak di bawah '*political entities*' seperti Lebanon, Jordan, Palestin dan Syria. Kedua, migrasi masyarakat Arab yang berasal daripada Hadramaut, yang kini dikenali menjadi salah sebuah wilayah utama di Republik Yaman.⁸

Di kalangan kedua-dua golongan Arab di atas, kebanyakan para sejarawan bersetuju bahawa populasi dan pengaruh masyarakat Arab dari Hadramaut mendominasi berdasarkan keutamaan di dalam memiliki geneologi yang paling jelas berbanding dengan golongan yang lain, bahkan faktor ini menjadi sebab utama jejak dan penglibatan mereka di Nusantara dapat dilihat dengan jelas (Syed Farid Alatas, 2010: 34-35). Ianya terbukti apabila diaspora⁹

⁶ Sharifah Zaleha, "History and Indigenization, 404.


⁷ Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam Di Indonesia Abad Ke-19* (Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang, 1984), 128.

⁸ Syed Farid Alatas, *Hadrami Arabs Across the Indian Ocean: Contributions to Southeast Asia Economy and Society* (Singapore: National Library Board, 2010) 3.

⁹ Ramai di kalangan sejarawan tidak bersetuju menggunakan sebutan diaspora untuk mendefinisikan 'disapora' yang berlaku kepada masyarakat Arab Hadrami oleh kerana ianya berkait rapat dengan pengusiran Yahudi daripada tanah air dan mereka bertebaran ke banyak tempat, melakukan penindasan dan perasaan rendah diri disebabkan pengusiran tersebut. Ianya juga melibatkan komitmen untuk kembali ke tempat asal mereka. Jika dilihat dengan teliti, Arab Hadrami sebetulnya tidak termasuk di dalam definisi yang digambarkan. Walaubagaimanapun, diaspora di dalam erti yang lebih luas dan besar dapat dilihat di dalam beberapa ciri; (i) penyebaran daripada tempat asal; (ii) Kenangan berterusan tentang tanah asal; (iii) Perasaan untuk mengasingkan diri bersama kelompok mereka di negara yang mereka berhijrah; (iv) Berterusan mempunyai hubungan dengan Negara asal secara fizikal dan emosional.

Lihat Syed Farid Alatas, *Hadrami Arabs Across the Indian Ocean: Contributions to Southeast Asia Economy and Society* (Singapore: National Library Board 2010), 4. Definisi ini bertepatan apabila Sheffer juga menyatakan Diaspora sebagai minoriti

keturunan melalui keturunan Ahmad bin Isa al-Muhajir masih boleh dijejaki sehingga hari ini (R.B. Serjeant, 1949: 282-307).¹⁰ Keturunan yang digelar Alawiyyin ini dimulakan oleh anak cucu Alwi bin Ubaidillah yang terakhir bernama Muhammad Shahib Marbad dan anaknya yang bernama Alwi dan Ali (Muhammad Hasan Aidid, 1999: 19).¹¹ Alwi bin Muhammad Shahib Marbad misalnya, menurunkan keturunan Alawiyyin yang bergelar;



Rajah 1.
Silsilah dari keturunan Alwi bin Muhd Shahib Marbad

kumpulan imigran yang menetap dan bekerja di sesebuah negara tuan rumah, tetapi masih mengekalkan tautan sentimental dan material dengan negara asal sendiri. Sheffer, Gabriel (ed.), *Modern Diaspora in International Politics* (London: Croom Helm 1986), 3. Ramai di kalangan sejarawan tidak bersetuju menggunakan sebutan diaspora untuk mendefinisikan 'disapora' yang berlaku kepada masyarakat Arab Hadrami oleh kerana ianya berkait rapat dengan pengusiran Yahudi daripada tanah air dan mereka bertebaran ke banyak tempat, melakukan penindasan dan perasaan rendah diri disebabkan pengusiran tersebut.

¹⁰ Beliau merupakan keturunan al-Husein bin Ali bin Abi Thalib r.a telah berhijrah dari wilayah Iraq pada abad ke 14H bersama dengan 70 orang anggota keluarganya.

Ali bin Muhammad Shahib Marbad menurunkan keturunan Leluhur Alawiyyin yang bergelar;

1. Al-Basyaiban	2. Al-Sya-tiriy	3. Al-IIabsyiy	4. Al-Baharun	5. Al-Bin Sahil Jamalullail
6. Al-Seriy	7. Al-Djunaidiy	8. Al-Qadriy	9. Al-Barrum	10. Al-Djunaid Al-Achdor
11. Al Syaliy	12. Al Sabah	13. Al Masyhur Marzaq	14. Al Fad'aq	15. Al Madihaj
16. Al-Abu Namiy	17. Al-Mutahhar	18. Al-Hamid Manfar	19. Al-Cherrid	20. Al-Babirik
21. Al-Hamdun	22. Al-Ba'bud Dijan	23. Al-Bin Qudban	24. Al-Munawwar	25. Al-Seggaf Bin Ali
26. Al-seggaf Bin Abdullah	27. Al-Aydrus	28. Al Bin Syihab	29. Al-Hadi	30. Al-Mashyur
31. Al-Azzahir	32. Al-Barahsan	33. Al-Masyich	34. Al-Alseggaf	35. Al Ba'Aqil
36. Al-Basymeleh	37. Al-Bin Syaich Abubakar	38. Al-Attas	39. Al-Bin A'qil	40. Al-Hamid
41. Al-Muhdor	42. Al-Haddar	43. Al-Hiyyid	44. Al-Bin Jindan	45. Al Bin Hafidz
46. Al-Bahsin	47. Al-Musawa	48. Al-Karbiy	49. Al-Zaitun	50. Al-Bairiy
51. Al-Quraisha	52. Al-Ismail	53. Al-Maulachila	54. Al-Mugebel	55. Al-Mauladdawilah
56. Al Bin Yahya	57. Al-Sahil Chailyah	58. Al-Bahsin al-Mahar	59. Al-Ba'bud Charisyan	60. Al-Mahjub
61. Al-Hinduan	62. Al-Chaniman	63. Al-Hamil	64. Al-Ghoidhoh	65. Al Ba'Ali
66. Al-Bar	67. Al-Rachilah Ba' Umar	68. Al-Djufriy	69. Al-Kaf	70. Al-Qedmir
71. Al-Jasrin	72. Al-Bilfaqih	73. Al-Balghaizh	74. Al-Shofi	75. Al-Bahar

Rajah 2.

Silsilah dari keturunan Ali bin Muhd Shahib Marbad (Muhammad Hasan Aidid,1999: 19-22)

Penghijrahan mereka ke serata dunia khususnya di Tanah Melayu disandarkan di atas dua faktor utama iaitu faktor agama dan perdagangan.

R.B. Serjeant, "Materials for South Arabian History:Notes on New MSS From Hadramaut" dalam *Bulletin of the School for Oriental and African Studies*, 13 (1949-50): 281-307, 581-60. Keturunan Ahmad bin Isa yang bernama Ubaidillah terus menetap di Hadramaut dan berkembang menjadi individu penting masyarakat di sekitar daerah ini yang digelar sebagai kaum Alawiyyin, yang kebiasaannya dipanggil sebagai *sayyid* atau *habib* yang bermaksud 'orang yang dikasihi'. Van den Berg, L.W.C van den Berg, *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara*, Jil.3 (Jakarta: INIS 1989), 23. Setelah Ubaidillah dikurniakan anak bernama Alwi, dan dari Alwi bin Ubaidillah antara yang pertama memulakan keturunan Imam Husein dinamakan Alawiyyin.

¹¹ *Ibid.*, 19.

Tradisi perdagangan yang diwarisi turun temurun dibawa bersama jati diri agama yang kukuh. Ianya terjadi memandangkan latar kehidupan masyarakat Arab secara asasnya diwarnai dengan struktur dan aktiviti keagamaan yang agak konservatif, malah secara langsung menjadikan ia identiti mendasari kehidupan beragama dan jaringan sosial di mana sahaja mereka berada khususnya di Tanah Melayu. Didikan agama diberikan terhadap anak-anak sejak mereka kecil terutamanya kepada anak-anak lelaki. Kajian yang dijalankan oleh Stark pada tahun 1936 mendapati bahawa Hadramaut telah memiliki ratusan masjid yang dibina sebagai salah satu pusat intelektual keilmuan di samping sekolah yang didirikan dengan sistem kurikulum berlandaskan Islam dengan tenaga pendidik seramai 30 orang dan 300 orang pelajar lelaki.¹²

Penekanan terhadap aspek keagamaan yang menjanakan jati diri yang kukuh di dalam jiwa setiap masyarakat Arab kemudiannya menjadi diaspora yang dibawa bersama ketika berdagang, untuk diamal serta disebarkan kepada masyarakat setempat. Kehadiran individu-individu Arab ini menjadi aset utama bagi proses Islamisasi masyarakat Melayu memandangkan peranan penting dan keutamaan mereka di dalam hal ewal pentadbiran tertinggi negara, mengetuai majlis-majlis ilmiah, menyediakan kemudahan pendidikan di sekolah dan menjadi orang tengah di dalam perdebatan puak yang bertelingkah. Mereka digelar habib yang bermakna '*orang yang dikasih?*'. Kedudukan ini membuatkan mereka meraih kehormatan daripada penduduk sehinggakan secara moralnya sangat berpengaruh dan menjadi sebutan sepanjang zaman.¹³

C. Diaspora Ulama Arab Di Tanah Melayu Awal Abad Ke 20

Meskipun terdapat beberapa penulisan merujuk mengenai kedatangan masyarakat Arab ke Nusantara, terutamanya sewaktu Kesultanan Melayu Melaka berkembang maju pada sekitar abad ke 15M, kehadiran mereka menyusut dengan kehadiran kuasa Eropah yang menjadi dominan di dalam aspek perdagangan seawal abad ke 16M.¹⁴ Dapatan data dan rekod tepat

¹² Freya Stark, *The Southern Gates of Arabia, a Journey in The Hadramaut* (London: John Murray, 1936), 207.

¹³ L.W.C van den Berg, *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara*, Jil.3 (Jakarta: INIS, 1989), 23-24.

¹⁴ Mohammad Redzuan Othman, "Hadramis in The Politics and Administration Of The Malay States In The Late Eighteenth And Nineteenth Centuries" dalam Ulrieke Freitag & William, G *Hadrami Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750S-1960S* (Leiden: Brill, 1997), 82.

mengenai populasi mereka tidak menyeluruh, malah bercampur aduk dengan kedatangan masyarakat Arab dari bangsa lain sehinggalah pertengahan abad ke 18M. Laporan populasi penduduk Tanah Melayu 1824 misalnya merekodkan populasi masyarakat Arab Hadrami menunjukkan sejumlah 2012 orang dan angka ini bertambah menjadi seramai 5718 pada tahun 1947.¹⁵ Diaspora masyarakat Arab Hadrami di celah-celah kepelbagaian bangsa Arab telah dapat dikenal pasti terutamanya selepas pembukaan Terusan Suez pada 1869M.¹⁶ Catatan perjalanan dan bancian merujuk mengenai kedatangan masyarakat Arab dari Hadramaut direkodkan sepanjang tempoh kolonial Belanda melalui beberapa buah penulisan terpenting para orientalis dan sejarawan tempatan. Antaranya dapat dirujuk melalui penulisan L.W.C Van den Berg, William Harold Ingrams dan R.B. Serjeant.

Data-data berkenaan kehadiran masyarakat Arab sebelum dipastikan berada di Tanah Melayu, telahpun dicatat berada di sekitar kepulauan Indonesia pada abad ke 17M dan awal abad ke 18M melibatkan segolongan besar masyarakat Arab Hadrami. Gelombang kedatangan masyarakat Arab Hadrami yang muncul di Kepulauan Indonesia dapat dilihat secara jelas dalam lingkungan pertengahan abad ke 18M: 143). Masyarakat ini dikatakan mula muncul di sekitar Aceh, dan kemudiannya ke Palembang atau ke Pontianak, Kalimantan. Penempatan mereka di sekitar Kepulauan Indonesia dapat dilihat rekodnya pada tahun 1870M.¹⁷ Antara tempat yang menjadi tumpuan ialah Sumatera, Batavia, Bogor, Cirebon, Indramayu, Tegal, Semarang, Surabaya, Gresik, Pamekasan, Bangkalan, Malang, Bangil, Probolingga, Banyuwangi, Palembang, Deli (Medan), Banjarmasin, Martapura, Manado, Gorontalo, Lombok, Ambon, Ternate, Kupang dan Sumba.¹⁸

Mulai akhir abad ke 19, kumpulan besar masyarakat Arab direkodkan telah berhijrah ke Tanah Melayu disebabkan tekanan yang dilakukan oleh pihak Belanda.¹⁹ Kehadiran dan populasi masyarakat Arab ke Tanah Melayu dapat

¹⁵ A report on the 1947 Census of The Population of Malaya, 81.


¹⁶ Robert Day McAmis, *Malay Muslims The History And Challenge of Resurgent Islam in Southeast Asia* (UK: Wm. B.Eerdmans Publishing Co 2002), 10.

¹⁷ Natalie Mobini-kesheh, *The Hadrami Awakening Community And Identity In The Netherland East Indies, 1900-194* (New York: Cornell Uni, 1999), 21.

¹⁸ Rihlah Exhibition Migration to Southeast Asia, National Library Board of Singapore, 14-15 April 2010.

¹⁹ Huub De Jonge, "Dutch Colonial Policy Pertaining The Hadrami Immigrant", dalam Ulrike Freitag & William G. Clarence-Smith(ed.), *Hadrami Traders, Scholars and Statesmen In The Indian Ocean,1750S-1960S* (Leiden: Brill 1997), 96.

dilihat taburannya seperti rajah di bawah;



Rajah 3

Populasi Masyarakat Arab di Tanah Melayu dari tahun 1881-1931²⁰

Tekanan yang diterima bukan hanya menjadikan populasi masyarakat Arab di Tanah Melayu semakin meningkat, bahkan diaspora ini juga membawa titik perubahan yang besar terhadap sejarah Islamisasi masyarakat Melayu pada waktu tersebut. Penghijrahan yang berlaku melibatkan golongan pedagang dan individu yang bergelar ulama, menjadikan dominasi mereka dapat dilihat di dalam kebanyakan aspek sosio ekonomi negara. Ianya dapat dilihat apabila menjelang abad ke-19M, masyarakat Arab yang hadir di Tanah Melayu terbukti meraih kedudukan di kalangan masyarakat tempatan. Mereka diletakkan di atas kedudukan yang berprestij seperti mufti, pegawai tertinggi kerajaan, malah sebagai penghulu-penghulu bagi mengetuai sesebuah kampung.

Penghijrahan golongan ulama berlaku secara berperingkat, namun pada abad ke-19 berlaku peningkatan terutama apabila wujud kemudahan perhubungan antara Alam Melayu ke Timur Tengah. Wujud kesedaran di kalangan pemerintah untuk mengembangkan Islam dalam masyarakat. Di kalangan sultan telah mengundang ulama dari Makkah untuk berkhidmat dengan baginda dan menasihati baginda dalam masalah agama yang timbul.

²⁰ Mohd Sohaimi Esa, *Ekonomi Masyarakat Arab di Johor (1862-1942)* (Tt: Uni. Malaysia Sabah, 1999), 54.

1. **Shaykh Ahmad Khayyat Pengasas Institusi Shaykh Al-Islam Di Kedah**

Di masa negeri-negeri lain di Tanah Melayu dikuasai British, Kedah masih mengekalkan kekuasaannya. Hanya pada 1909 Kedah di kuasai British melalui perjanjian Bangkok. Pentadbiran Islam di Kedah diletak di bawah Pentadbiran Islam bertempat di Limbong Kapal.²¹ Seorang pegawai tertinggi Agama bergelar Shaykh al-Islam dibantu oleh seorang Kadi Besar dilantik yang berperanan antara lain untuk menggubal peraturan-peraturan berkitan agama Islam, mengeluarkan fatwa, mengawal kegiatan para pendakwah untuk menjauhi ajaran sesat dan memastikan jentera pentadbiran berjalan dengan lancar. Seorang ulama diundang dari Makkah untuk memegang jawatan mufti. Hubungan sultan Abdul Hamid dengan ulama dari Makkah ini menyebabkan hubungan makin akrab. Sultan Abdul Hamid pada 22 November 1894 membeli tanah di Makkah dan diwakafkan untuk kegunaan jamaah Haji dan kegunaan pelajar untuk pengajian terutama dari Kedah.²²

Perlis merupakan negeri paling kecil terletak di utara semenanjung Tanah Melayu. Pembentukan Perlis bermula apabila sultan Kedah memperuntukan kawasan tersebut kepada keluarga Arab di Kedah. Terdapat sebuah sekolah agama yang sangat dikenali oleh penduduk Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-20 iaitu Madrasah Alawiyah Arau (sekarang ini dinaik taraf menjadi IPTIK iaitu Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis). Tidak ada madrasah di Malaysia ini menggunakan nama Alawiyah, justeru ia sangat signifikan kepada kewujudan madrasah tersebut dengan nama Alawi ini. Menelosori perkara ini, Prof. Mahyidin Yahya menyebut bahawa keturunan alawi datang ke Tanah Melayu.

Madrasah ini diasas pada 1937 di atas tapak pondok yg sudah wujud sebelum itu sekitar awal 1930an. Dalam usaha mengembangkan madrasah ini pihak pentadbir memikirkan mengenai perlunya seorang guru yang berwibawa menguasai ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai aspek. Seorang ulama dari Mesir dibawa untuk menjadi guru besar di madrasah ini pada tahun 1945. Beliau ialah al-Ustadh Abdul Hamid Mustafa al-Sisi al-Afendi. Beliau bertugas selama empat tahun dan berakhir pada 1948. Semasa beliau memegang jawatan guru

²¹ Wan Shamsudin Mohd Yusof, "Pertapakan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah," dalam Md Noor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh (terj.), *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua: Islam di Kedah Darul Aman* (Alor Setar Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996), 15.

²² *Ibid.*, 20.

besar, beliau mengambil inisiatif menubuhkan cawangan sekolah yang dibia di Simpang Empat, Perlis iaitu 12 batu dari Arau.

Pada tahun 1949, Ustaz Abdul Haq Hamid al-Jazirah menggantikan Ustaz Abdul Hamid Mustafa sebagai mudir yang baru. Beliau juga berasal dari Mesir adalah lulusan dari al-Azhar. Pada masa beliau berlaku perubahan penting dalam peraturan sekolah dimana murid-murid perempuan dibenarkan memasuki madrasah ini. Ini suatu pembaharuan kerana murid-murid perempuan tidak pernah dihantar ke madrasah sebelum ini. Masyarakat tidak dapat menerima perubahan ini namun selepas melihat kesan didikan terhadap anak-anak mereka, mereka mula menerima perubahan tersebut.

Ustaz Abdul Haq sangat menitik beratkan penggunaan bahasa Arab kepada murid-murid. Beliau menggalakan murid terlibat dalam kegiatan berpersatuan. Persatuan Syarahan dan perbahasan ditubuhkan. Beliau menggalakan murid-murid berpidato dan berdebat dalam Bahasa Arab. Beliau juga menetapkan pada tiap-tiap hari khamis setiap minggu sebagai hari berkumpul di kalangan murid-murid dan mereka diminta menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.

2. Shaykh Abdullah al-Maghribi al-Ghadamshi

Pada awal abad ke-20 muncul gerakan islah dipelopori oleh graduan dari al-Azhar. Tokoh-tokoh islah terdiri daripada Sayyid Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir, Abbas Taha dan Sheikh Salim bersama dengan pemimpin lain tertarik dengan idea islah yang dicetuskan oleh Abduh di Mesir. Mereka membawa idea tersebut dan dikembangkan kepada masyarakat melayu. Beberapa kegiatan dilakukan; menerbitkan majalah, menubuhkan madrasah. Tahap awal tidak mendapat sokongan; majalah al-Imam diharam dan Madrasah al-Hadi ditutup.

Al-Hadi tidak berputus asa, bagaimanapun sokongan daripada masyarakat perlu untuk menjayakan misi yang dikehendaki. Dalam masa ini al-Maghribi dibawa. Abdullah seorang tokoh ulama berada di Makkah pada masa itu dicadangkan agar memenuhi tugas yang diminta oleh al-Hadi itu. Ini bermakna dalam halaqah ilmu di Makkah al-Maghribi seorang yang dikenali. Terdapat ulama ramai Melayu di Makkah dalam peride ini, namun Abdullah dipilih untuk merealisasikan gagasan tersebut. Al-Hadi juga ingin mencari seorang yang benar berwibawa dan mampu memikul tugas untuk menjayakan misi yang diinginkan. Mengambil ulama Melayu walaupun terkenal kealmannya mungkin membawa haluan yang berbeza tidak seperti yang dikehendaki oleh al-Hadi, sekaligus menggagalkan cita-citanya.

Al-Maghribi dilihat melalui sejarah kedatangan ulama Arab ke Tanah Melayu bukanlah orang pertama. Beliau dilihat sebagai meneruskan tradisi jaringan ulama Tanah Melayu-Haramayn yang berlaku sejak sekian lama. Sebelum al-Maghribi sudah ada beberapa orang ulama Arab yang diundang untuk membantu pemerintah dalam memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Melayu. Di Pulau Pinang kedatangan ulama dari Arab dimulai dengan Sheikh Omar Basher, seorang ulama dari Hadramat yang datang ke Pulau Pinang pada 1867.²³ Kedatangan ulama ini menjadi penerus kepada jaringan ulama Melayu dan Haramayn yang berlaku sejak awal kemasukan Islam ke Tanah Melayu lagi.

Ulama Melayu bukan sahaja sahaja berguru dengan mereka dalam halaqah di di Haramayn malah mengundang dan membawa mereka memberi khidmat di sini. Al-Maghribi tiba di Tanah Melayu pada 1918 menetap di Pulau Pinang. Pada masa ini Pulau Pinang berada di bawah Negeri-negeri Selat, dan menjadi tarikan orang luar selepas dimajukan oleh pihak British. Ramai pedagang termasuk pedagang Islam daripada Arab dan benua kecil India menjalankan perniagaan di sini. Dari segi politik ia diletak di bawah British secara langsung setelah diperolehi melalui perjanjian Pangkor 1874. Namun dalam konteks agama Islam ia masih terikat dengan Kedah yang menjadi pemilik asal negeri tersebut. Sultan Kedah berhak campur tangan dan Sheikh al-Islam bertanggungjawab di atas segala perkembangan dan perubahan agama yang berlaku.

Al-Maghribi ditugaskan sebagai guru di madrasah al-Mashur al-Islamiyyah yang diasaskan oleh al-Hadi. Pengajaran al-Maghribi disini berlangsung beberapa tahun. Pada tahun 1919 al-Hadi berhenti sebagai mudir dan jawatan itu diganti oleh al-Maghribi dan Al-Maghribi memegang jawatan sehingga 1921. Ada pendapat mengatakan al-Maghribi berhenti kerana masalah kewangan dan ada mengatakan beliau berselisih pendapat dengan lembaga pengelola madrasah tersebut. Pemberhentian al-Maghribi diketahui oleh orang ramai. Pada masa yang sama sebuah madrasah ditubuhkan di Perak sangat memerlukan kepada seorang yang berwibawa untuk memimpin madrasah tersebut. Al-Maghribi diperkenalkan kepada sultan perak, Sultan Idris oleh Haji Wan Ahmad yang mengajar putera sultan pada masa itu. Hasilnya al-Maghribi diterima dan dilantik sebagai mudir di Madrasah tersebut pada 1928.

²³ Fadhlullah Jamil, "Peranan Agama dan Intelektual dalam Membangunkan Masyarakat di Pulau Pinang Dengan Penumpuan Khusus Kepada Bidang Pendidikan", dalam Badriyah Haji Salleh (pnyt.) *Perkembangan Pengaruh Islam di Pulau Pinang* (Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, 1997), 2.

Al-Maghribi berjaya membangunkan madrasah Idrisiah yang terletak di Bukit Chandan itu. Perubahan dibuat terhadap kurikulum, dan metode pengajaran. Jumlah pelajar juga makin meningkat dengan kehadiran murid di luar dari Perak. Beliau juga membawa guru daripada Pulau Pinang untuk membantunya dalam pengajaran. Beliau juga mengambil berat terhadap solat berjamaah. Murid dipaksa bersolat jamaah setiap lima waktu. Aktiviti luar pelajar-pelajar madrasah juga mendapat perhatian. Murid dipaksa turun ke padang selepas solat asar untuk beriadah.

Namun dalam usaha membangunkan madrasah Madrasah Idrisiah ini, al-Maghribi menghadapi konflik dengan masyarakat. Beliau dituduh menyebarkan ajaran salafiah kepada para pelajar dan ini membawa kepada pemecatannya beliau sebagai sebagai mudir madrasah tersebut pada 1932. Al-Maghribi kembali semula ke Pulau Pinang. Beliau menubuhkan madrasah dikenali madrasah al-Hadi al-Diniah di Anson Road pada tahun 1935. Kemudian tidak beberapa selepas itu beliau kembali semula ke Makkah.

Al-Maghribi seorang ulama dan diundang khas untuk menjadi seorang pendidik. Pendekatan ini sangat penting dalam membangunkan masyarakat. Ada tiga tahap penglibatan al-Maghribi dalam pendidikan; semasa mengajar di al-Mashur (1918-1921), mudir di Idrisiah Kuala Kangsar dan mengasaskan madrasah al-Huda di Pulau Pinang. Semasa al-Maghribi menjadi mudir di al-Mashor, buat pertama kalinya keluaran madrasah tersebut dihantar menyambung pengajian di al-Azhar Mesir.

Metode yang digunakan oleh al-Maghribi ialah pengajaran berasaskan kepada sistem persekolahan yang umumnya masih baru dalam sistem pendidikan orang Melayu. Bahasa pengantar yang digunakan ialah Bahasa Arab.²⁴ Madrasah al-masyhur menjadi medan golongan islah mengembangkan idea dan pengaruh mereka kepada masyarakat. Al-maghribi bersama al-hadi dan Sheikh Tahir mempopularkan pengajian bentuk madrasah ini hingga ia menarik perhatian masyarakat untuk menyekolahkan anak-anak mereka.

Pembaharuan dibuat dalam kurikulum pengajian iaitu selain mata pelajaran agama yang diajar di kebanyakan madrasah waktu itu, beliau juga memperkenalkan bahasa Arab dan buku-buku rujukan dalam bahasa ini diperluaskan. Disebutkan juga pengajian sejarah mazhab Maliki, Hanafi, Hanbali dan Shafei diajar di madrasah tersebut. Di sini menunjukan usaha

²⁴ Amini Amir bin Abdullah "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah", dalam Badriyah Haji Salleh (pnyt.), *Perkembangan Pengaruh Islam* 33.

membangunkan pendidikan berasaskan keadaan semasa dilakukan. Hasilnya madrasah mendapat sambutan daripada masyarakat.

Madrasah al-Mashur juga menghasilkan tokoh pemikir dan pejuang Melayu yang memainkan peranan penting dalam perjuangan kebangsaan. Walaupun seluruhnya bukan hasil tangan al-Maghribi tetapi pada masa beliau madrasah tersebut berkembang hingga menarik minat masyarakat untuk menyertai madrasah tersebut. Sistem madrasah menjadi sistem pengajian yang terkenal menjadi pilihan kepada pengajian agama yang berlangsung di pondok-pondok. Graduan al-Azhar ulung yang dikirim oleh al-Maghribi berperanan penting dalam mengembangkan Islam kepada masyarakat.

3. Syed Alwi bin Tahir al-Haddad

Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad dilahirkan negeri iaitu Hadramaut, Yaman pada 14 Syawal 1301 bersamaan dengan 7 Ogos 1884.²⁵ Memiliki kelebihan untuk dilahirkan di tempat yang digelar sebagai syurga ilmu, mendapat didikan daripada ilmunan-ilmuan tersohor menjadikan proses tumbesaran yang dijalankannya di Hadramaut nyata jelas membentuk suatu proses jatidiri yang berbeza terhadap dirinya.

Proses pendidikan awal sejak kanak-kanaknya didapati daripada bapa saudaranya yang bernama Imam Habib 'Abdullah Bin Taha al-Haddad dan Habib Tahir bin Abi Bakri al-Haddad. Setelah meningkat dewasa, beliau dihantar pula untuk berguru dengan dua orang ulama yang tersohor iaitu Syed Ahmad Bin Hassan al-Attas dan Syed Umar al-'Amudi. Proses pendidikan ini di dapati melalui muzakarah dengan guru-gurunya²⁶ Menurut Wan Muhd Saghir, antara guru-guru Syed 'Alwi yang lain ialah Habib Ahmad bin al-Hasan al-Attas al-'Alawi, Habib Tahir bin Umar al-Haddad²⁷ Habib Muhammad bin Tahir al-Haddad, al-Mu'ammam Sirajuddin Umar Bin Utsman bin Muhammad Bin Utsman bin Muhammad al-'Amudi al-Sidiqqi al-Bakari. Pehin Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail Bin Umar Abd Aziz juga memperakui bahawa Syed Alwi pernah berguru dengan Syed Ahmad bin Hassan al-Attas.²⁸

Pengalaman berguru bersama ulama-ulama tersohor dan pengembaraan mengutip ilmu yang banyak meliputi negara Kenya, Zanzibar, Afrika Selatan,

²⁵ Setiausaha Majlis Ugama: 1935

²⁶ Temubual dengan Syed Zain B. Husin al-Habsyi: 2008

²⁷ Drs. Ali Yahya, 2000: 37

²⁸ Fail 6/MKB/104/1980, 1992: 2

Mekah dan Indonesia membentuk Syed 'Alwi sebagai seorang yang hebat pada zamannya. Ianya dapat dibuktikan melalui penglibatan beliau di dalam beberapa organisasi besar dan berpengaruh sewaktu beliau di Indonesia. Syed 'Alwi berperanan sebagai pengasas dan penyumbang idea terhadap penubuhan organisasi seumpama Rabithah 'Alawiyah²⁹ Maktab Daimi³⁰ dan Darul Aitam.³¹ (Penggabungan Syed 'Alwi sebagai salah seorang jentera mengasaskan ketiga-tiga organisasi ini telah mewarnai episod-episod perjuangan dalam menegak dan memperjuangkan hak-hak masyarakat Arab Hadrami serta masyarakat Islam secara amnya. Melalui ketiga-tiga organisasi ini, Syed Alwi menyebarkan syiar Islam dengan menyampaikan ceramah-ceramah, menjaga hal ehwal kebajikan dan pendidikan anak-anak yatim yang terbiar.³² Keaktifan dan kesungguhan beliau di dalam memartabatkan agama Islam ini menjadikan beliau sebagai sebutan di kalangan dunia Islam, sehingga beliau menerima jemputan Sultan Abu Bakar Johor untuk dilantik memegang jawatan sebagai mufti di negeri tersebut mulai tahun 1934 sehingga 1962.

a. Pendekatan Dakwah Syed Alwi

Pendekatan Dakwah yang direalisasikan oleh Syed 'Alwi terhadap masyarakat Islam Johor diperlihatkan melalui dua aspek utama, iaitu pendekatan melalui fatwa dan pendekatan melalui pendidikan.

i. Mufti Yang Tegas

Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad menerima jemputan Sultan Abu Bakar, Johor untuk mengetuai pentadbiran Agama Johor di atas jawatan sebagai mufti sebanyak dua sesi. Kali pertama ialah pada tahun 1934-1945 dan kali kedua ialah pada tahun 1948-1962.³³ Mandat yang diberikan kepada beliau selama tempoh 24 tahun memberi ruang untuk beliau


²⁹ Antara mereka yang terlibat sebagai pengasas yang lain ialah As-Sayid Muhammad bin Abdurrahman bin Shahab sebagai Ketua Suku, As-Sayid Abu Bakar bin Abdullah Alatas, As-Sayid Abdullah bin Ali Alaydrus, As-Sayid Abu Bakar bin Muhammad al-Habsyi, As-Sayid Idrus bin Ahmad bin Shahab, As-Sayid Ahmad bin Abdullah AsSegaff, As-Sayid Ali Bin Abdurrahman al-Habsyi, As-Sayid Alwi bin Muhammad alHadad, As-Sayid Umar bin Abdullah Az-Zahir, As-Syech Salim bin Ahmad Bawazir, dan As-Sayid Abdullah bin Abi Bakar Alhabsyi. Anggaran Dasar Rabithah Alawiyah 22 Disember 1929, Jakarta, Indonesia. Anggaran Dasar Rabithah Alawiyah: 1929

³⁰ H. Ali Ahmad Assegaf, *Lintasan Sejarah 3 Mata Rantai* (Indonesia: Alumni Darul Aitam/Jamiat Kheir, 1951), 100.

³¹ H. Ali Ahmad Assegaf, 1951: 100

³² Drs. Ali Yahya, 2000: 99

menyumbangkan sepenuh tenaga di dalam menambahkan kefahaman beragama di kalangan masyarakat Islam Johor. Ianya terbukti apabila Syed 'Alwi telah berjaya menyelesaikan lebih daripada 1200 fatwa yang melibatkan isu akidah, muamalat, perkahwinan, ibadat dan kemasyarakatan. Ianya digambarkan di dalam rajah yang terlampir;



Rajah 4: Peratusan Kes Yang Diselesaikan Dari Tahun 1934-1962³⁴

Analisis yang dijalankan merekodkan bahawa sepanjang tempoh perkhidmatan Syed Alwi di Johor, beliau berjaya menyelesaikan sebanyak 39% kes yang melibatkan isu kemasyarakatan, 30% kes yang melibatkan hal ehwal perkahwinan, 14% kes akidah, 9% kes Ibadat dan 8% kes berkaitan muamalat.

Fatwa yang dikeluarkan juga menggambarkan terdapat banyak isu dan kontroversi yang hangat diperbincangkan berkait dengan hal ehwal Islam. Antaranya isu mengenai kepentingan solat Jumaat³⁵ memerangi ajaran sesat terutamanya ajaran Qadiani,³⁶ isu harta pusaka dan pertelingkahan suami isteri. Kesannya hasil fatwa yang dikeluarkan bukan menyelesaikan keperluan hukum hakam masyarakat, bahkan di gunapakai oleh masyarakat Johor, negeri-negeri Tanah Melayu dan negara jiran

³³ SSJ No.1710

³⁴ Sumber: Fail Jabatan Agama Johor

³⁵ MB 656/38:1938

³⁶ PAJ 1727

seumpama Indonesia dan Brunei³⁷ Ketokohan Syed 'Alwi bukan hanya menggambarkan ketinggian ilmu yang dimiliki, bahkan beliau mewakili ilustrasi konkrit yang mencerminkan pengaruh masyarakat Arab di kalangan pentadbir dan pemerintah tempatan seperti Johor.

b. Pendekatan Melalui Pendidikan

Syed 'Alwi bukan hanya menggunakan statusnya sebagai mufti sebagai medium untuk menyebarkan fatwa, malah beliau juga berjaya mengaplikasikan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki sewaktu berada di Indonesia bagi berdakwah di dalam hal ehwal pendidikan. Terdapat tiga peranan utama yang dipegang bagi merealisasikan idea dakwahnya. Antaranya dengan bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa Kitab-kitab Sekolah Agama, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Sekolah-sekolah Arab. Sewaktu memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kitab-kitab Sekolah Agama, beliau telah menjalankan beberapa penyelarasan mengenai sistem pembelajaran dan pengajaran kitab-kitab yang digunapakai di dalam sekolah-sekolah Agama Johor. Ianya bertujuan bagi menyampaikan ajaran secara tidak langsung mengenai kepentingan menjaga akidah daripada hasutan ajaran-ajaran palsu daripada meresap masuk di dalam minda masyarakat. Maka, metode terbaik yang digunakan beliau bagi melaksanakan misi dakwahnya ialah dengan pelaksanaan dan pendedahan ko-kurikulum yang jitu. Melalui jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Sekolah-sekolah Arab, Syed 'Alwi berperanan sebagai salah seorang peneraju di dalam menjana bantuan terhadap hal ehwal kewangan persekolahan, merangka aturan sekolah-sekolah Arab seluruh Johor, kelayakan guru mengajar.³⁸

Melalui autoriti di dalam mengawal dan memegang aturan undang-undang sekolah terbabit, metode dakwah beliau dilaksanakan melalui penjagaan disiplin guru-guru yang mengajar, serta pembangunan sahsiah pelajar-pelajar di dalam isu akademik dan ko-kurikulum. Disiplin guru-guru diterapkan melalui penekanan terhadap sahsiah dan kelulusan yang sewajarnya di dalam hal akademik. Pembangunan sahsiah pelajar pula diaplikasikan dengan sukatan pelajaran yang sistematik merangkumi nahu, sarf, fiqh, tauhid, hisab, mutalaah wa mahfuzah, Imla', Mubadi' akhlak, tarikh, geografi, insya', mubadi' al-'ulum, dan tadbir al-sikhah.³⁹ Hasilnya kemajuan yang dijalankan Syed 'Alwi bukan hanya mampu memberi impak perubahan yang besar di dalam tradisi

³⁷ PAJ 304/48.

³⁸ PAJ 93/48.

pendidikan agama di Johor, bahkan ianya mampu membuka mata dan memberi idea-idea baru kepada pihak pentadbir agama di negeri-negeri lain di Tanah Melayu untuk mengadaptasi orientasi pendidikan sepertimana yang digerakkan oleh beliau⁴⁰

4. Syed ‘Abdur Rahman Bin Junied Bin ‘Umar Bin ‘Ali Aljunied Pengasas Madrasah Al-Junied Di Singapura

Syed ‘Abdur Rahman al-Junied merupakan salah seorang individu Arab yang tersohor di Singapura pada awal abad ke 20M. Menurut Erik Holmberg, beliau merupakan keturunan pedagang tersohor Assyarif Assaiyid ‘Umar ‘Ali Aljunied yang merupakan antara individu Arab yang terawal hadir ke Singapura di atas jemputan Stamford Raffles pada tahun 1819.⁴¹ Jemputan ini bersesuaian dengan kedudukan dan keutamaan yang dimonopoli oleh keluarganya di dalam pelbagai aspek ekonomi,⁴² sosial dan pendidikan agama terhadap masyarakat Islam sekitar. Dominasi Syed ‘Abdur Rahman sendiri terserlah apabila beliau terlibat sebagai salah seorang pengasas terhadap institusi pendidikan seumpama Madrasah al-Junied al-Islamiyah yang berfungsi sejak 1927 dan masih aktif sehingga hari ini.⁴³

Syed ‘Abdur Rahman merealisasikan dakwahnya melalui penekanan inspirasi bahawa setiap insan yang diciptakan Allah berfungsi untuk memimpin agama dan bangsa, mendidik anak bangsa dengan pembelajaran holistik dan Islamik serta menjadi institusi pendidikan Islam selaras dengan potensi yang dimiliki oleh setiap pelajar. Beliau mengaplikasikan usaha dakwahnya di dalam setiap silibus pembelajaran yang diajarkan. Ianya meliputi dua aspek pengajaran utama, pengajian al-Quran dan pengajian bahasa Arab. Pengajian al-Quran meliputi pelajaran hafazan al-Quran bersama tajwid, al-Tafsir, Ulum al-Quran, al-Akhlak, At-Tauhid, al-Mantiq, al-Fiqh, al-Hadith, Mustalah al-Hadith dan al-Faraid. Melalui pembelajaran pengajian bahasa Arab pula, pembelajaran meliputi hal ehwal Nahu as-Sarf, al-Adab al-‘Arabi, al-Balaghah, dan sejarah Islam⁴⁴ Sistem ko-kurikulum yang sistematik seiring dengan guru-guru yang berdedikasi di bawah kelolaan Syed ‘Abdur Rahman berjaya mendapatkan

³⁹ PAJ 122/47

⁴⁰ PAJ 556/40.

⁴¹ Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2007: 163-183

⁴² Anthony Green, 2010: 26

⁴³ (<http://www.aljunied.edu.sg/>).

⁴⁴ (<http://www.aljunied.edu.sg/>).

sokongan yang menggalakkan daripada masyarakat sekitar. Bahkan, pelajar-pelajar keluaran Madrasah ini diterima untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir⁴⁵. Method dakwah yang dilaksanakan bukan hanya berjaya meraih minat masyarakat terhadap Islam, malah secara tidak langsung lulusan pelajar-pelajar dari Madrasah al-Junied al-Islamiah mendapat pendidikan Islam berasaskan Islam di bawah kekalutan pengaruh dan penguasaan British.

Kesan daripada peranan melalui pendekatan pendidikan Syed ‘Abdur Rahman Aljunied berjaya melahirkan pelajar-pelajar Islam yang kemudiannya meneruskan legasi dakwah yang dibawa beliau. Antara mereka ialah Pehin Dato Seri Utama Dr Haji Mohamad Zain Haji Serudin, yang merupakan Menteri di Kementerian Agama di Brunei Darusaalam, beberapa orang mufti, sejarawan dan ketua-ketua agama di Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei, serta beberapa orang pensyarah di university terkemuka.

D. Penutup

Terdapat peningkatan dari segi jumlah ulama Arab di tanah melayu pada abad ke-20, hal ini sangat berkait dengan kemudahan perhubungan yang berlaku dengan Timur Tengah di samping wujud jaringan ulama Melayu dengan ulama Arab sebelumnya. Mereka datang sendiri namun ramai yang dijemput. Mereka khidmat di dalam pendidikan namun tidak kurang juga memegang jawatan pentadbiran sebagai, mufti, kadi dan shaykh al-Islam. Masyarakat menghormati ketinggian ilmu yang ada pada ulama ini walau pun dalam keadaan tertentu wujud konflik lantaran pendekatan yang digunakan. Dengan peranan yang dimainkan Islam makin berkembang dengan baik dalam masyarakat.

Daftar Pustaka

A report on the 1947 Census of The Population of Malaya.

Abdullah, Amini Amir bin. “Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.” Dalam Salleh, Badriyah Haji, pnyt. *Perkembangan Pengaruh Islam di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, tt.

Alatas, Syed Farid. *Hadrami Arabs Across the Indian Ocean: Contributions to South-east Asia Economy and Society*. Singapore: National Library Board, 2010.

⁴⁵ <http://www.aljunied.edu.sg/>

- Anggaran Dasar Rabithah Alawiyah 22 Disember 1929*. Jakarta, Indonesia: Anggaran Dasar Rabithah Alawiyah, 1929.
- Assegaf, H. Ali Ahmad. *Lintasan Sejarah 3 Mata Rantai*. Indonesia: Alumni Darul Aitam/Jamiat Kheir, 1951.
- Berg, L.W.C ven den. *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara*, Jil.3. Jakarta: INIS, 1989.
- Berg, Van den dan Berg, L.W.C ven den. *Hadramaut dan Koloni Arab di Nusantara*, Jil.3. Jakarta: INIS, 1989.
- Fail 6/MKB/104/1980, 1992: 2
- Fail Pejabat PAJ 556/40.
- Fail Pejabat SSJ No.1710.
- Fail Pejabat MB 656/38:1938.
- Fail Pejabat PAJ 122/47.
- Fail Pejabat PAJ 1727.
- Fail Pejabat PAJ 304/48.
- Fail Pejabat PAJ 93/48.
- Tibbets, G.R. *A Study of Arabic Texts Containing Material on South-east Asia*. Tp: Royal Asiatic Publisher, 1979.
- <http://www.aljunied.edu.sg/>.
- Jamil, Fadhlullah. "Peranan Agama dan Intelektual dalam Membangunkan Masyarakat di Pulau Pinang Dengan Penumpuan Khusus Kepada Bidang Pendidikan." Dalam Salleh, Badriyah Haji, pnyt. *Perkembangan Pengaruh Islam di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, 1997.
- Jonge, Huub De. "Dutch Colonial Policy Pertaining The Hadrami Immigrant." *Dalam Hadrami Traders, Scholars and Statesmen In The Indian Ocean, 1750S-1960S*. Diedit oleh Freitag, Ulrike & Clarence-Smith, William G. Leiden: Brill, 1997.
- McAmis, Robert Day. *Malay Muslims The History And Challenge of Resurgent Islam in Southeast Asia*. UK: Wm. B.Eerdmans Publishing Co, 2002.
- Mobini-kesheh, Natalie. *The Hadrami Awakening Community And Identity In The Netherland East Indies, 1900-1942*. New York: Cornell Uni, 1999.
- Othman, Mohammad Redzuan. "Hadramis in The Politics and Administration Of The Malay States In The Late Eighteenth And Nineteenth Centuries." Dalam Freitag, Ulrike & Hadrami, William. G. *Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750S-1960S*. Leiden: Brill, 1997.

- Rihlah Exhibition Migration to Southeast Asia, National Library Board of Singapore, 14-15 April 2010.
- Salleh, Siti Hawa. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1991.
- Serjeant, R.B. "Materials for South Arabian History: Notes on New MSS From Hadramaut." *Bulletin of the School for Oriental and African Studies*, 13 (1949-50): 281-307.
- Zaleha, Sharifah. "History and Indigenization of The Arab in Kedah". *Asian Journal of Social Science*, Volume 32 (3), Brill: Leiden, 2004.
- Sheffer, Gabriel, ed. *Modern Diaspora in International Politics*. London: Croom Helm, 1986.
- Stark, Freya. *The Southern Gates of Arabia, a Journey in The Hadramaut*. London: John Murray, 1936.
- Steenbrink, Karel A. *Beberapa Aspek Tentang Islam Di Indonesia Abad Ke-19*. Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang, 1984.
- Yahaya, Mahayudin. "Sejarah Penempatan Orang Arab di Johor." *Seminar Sejarah & Budaya Johor*, Tahun 2000, 3-6 Mei 2000, Johor Bharu.
- Yahaya, Mahayudin. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, tt.
- Yusof, Wan Shamsudin Mohd. "Pertapakan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah." Dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua: Islam di Kedah Darul Aman*. Diterjemahkan oleh Md Noor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh. Tt: Alor Setar Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996.

***Farid Mat Zin** merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di email : farid@ukm.my

***Dr Nurulwahidah Fauzi** merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Sains Islam Malaysia dan kini sedang mengajar di Pusat Pengajian Teras Universiti berkenaan. Bidang kajian yang beliau terokai adalah dalam aspek kajian Arab Hadhrami di Nusantara, Pendidikan dan Pentadbiran Ulama Arab di Johor dan kini sedang mendalami kajian tokoh mujaddid, Bediuzzaman Said Nursi. Beliau boleh dihubungi di email: wahidah@usim.edu.my